



Rujukan Kami : PKP(8.00)96/3-7 JLD.3(62)

Tarikh: 30 Januari 2015

9 Rabiulakhir 1436H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sarawak.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sarawak

Semua Ketua Jabatan Negeri, Sarawak.
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri, Sarawak.
(Yang Mengurus Peruntukan Persekutuan)

Y.Bhg. Datuk/Datu/ Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING

PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK BILANGAN 3 TAHUN 2015

PENYELARASAN ITEM YANG DIGUGURKAN DARIPADA SENARAI KONTRAK PUSAT PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK

PENDAHULUAN

Sukacita saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas dan sebagaimana Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) bertanggungjawab ke atas pelaksanaan dan pemantauan Kontrak Pusat di Negeri Sarawak.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan, Mesyuarat Lembaga Perolehan Persekutuan Sarawak (MLPP) Bil.1/ 2015 bertarikh 26 Januari 2015 telah bersetuju untuk menyelaras semula Item Kontrak Pusat PMS.

ITEM YANG DIGUGURKAN DARIPADA SENARAI KONTRAK PUSAT

3. Terdapat tiga (3) item yang telah tamat tempoh kontrak pusat dan tidak dilanjutkan kontrak kerana tiada sebarang permohonan baru yang diterima sehingga kini daripada syarikat-syarikat pembekal. Item-item tersebut adalah seperti berikut;-

3.1 Kontrak Secara Rundingan Terus Membuat, Membekal dan Menghantar Makanan Siap Dimasak dalam Kantung Bagi Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) ke Sekolah-sekolah Rendah (Kategori 'A',

'B' dan 'C') dan Tadika/ Prasekolah serta Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Seluruh Sarawak.

3.2 Kontrak Secara Rundingan Terus Membekal dan Menghantar Petroleum Cecair (GPC) Kepada Semua Jabatan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan di Negeri Sarawak Bagi Tahun 2009 sehingga 2012.

3.3 Kontrak Secara Rundingan Terus Bagi Membuat, Membekal dan Menghantar Makanan Dalam Tin Kepada Semua Jabatan Persekutuan (Termasuk Sekolah Kategori 'A', 'B' dan 'C') dan Badan Berkanun Persekutuan Seluruh Negeri Sarawak.

4. Sehubungan dengan itu, pihak Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengambil maklum mengenai pengguguran ketiga-tiga item kontrak pusat tersebut bagi tujuan perancangan perolehan pada masa akan datang.

5. Pihak Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan adalah dinasihatkan untuk melaksanakan perolehan bagi ketiga-tiga item tersebut berdasarkan tatacara perolehan serta peraturan kewangan semasa yang sedang berkuatkuasa. Pihak Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dipohon untuk merujuk 1 Pekeliling Perbendaharaan – PK 2/2013 sebelum melaksanakan sebarang perolehan.

6. Kerjasama dari semua Jabatan/Agensi diharap dapat mengambil maklum akan pengguguran ini dan sekiranya terdapat sebarang kemusykilan atau masalah, pihak Y.Bhg. Datuk/Datu/Dato'/Tuan/Puan boleh menghubungi terus PMS seperti di alamat di atas atau melalui telefon no 082-421333 dan emel:-

- (i) Dayang Arfahiza Binti Abang Junaidi – Sambungan 500
Emel: arfahiza.junaidi@treasury.gov.my
- (ii) Puan Krismawati Binti Esen – Sambungan 501
Emel: krismawati.esen@treasury.gov.my
- (iii) Unit Perolehan – Sambungan 502

Sekian, terima kasih.

“Sentiasa Mesra, Teliti dan Cepat”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATU JABIDAH BINTI MONSERI)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak,
Perbendaharaan Malaysia Sarawak.

b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia